

## KENYATAAN MEDIA

### SEDANIA catat keuntungan untuk dua tahun berturut-turut

---

#### Sorotan Utama:

- Mencatat pendapatan sebanyak RM38.8 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.4 juta pada FYE22
- Segmen 'FinTech' catat prestasi terbaik; pendapatan meningkat 33% kepada RM5.5 juta pada FYE22 dan keuntungan sebelum cukai meningkat lebih dua kali ganda kepada RM2.2 juta
- 'Sustainable Healthcare' meningkat 11% kepada RM30 juta pada FYE22 didorong oleh jualan yang lebih tinggi di Malaysia dan pasaran Eropah

**KUALA LUMPUR, FEBRUARI 28, 2023** - Pemboleh ESG, SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan SEDANIA") mencatat satu lagi kejayaan selepas merekodkan keuntungan untuk dua tahun berturut-turut walaupun beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang mencabar.

Kumpulan SEDANIA mencatatkan hasil RM38.8 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.4 juta untuk tempoh 12 bulan berakhir 31 Disember 2022 (FYE22).

Walaupun bagaimanapun, pendapatan FYE2022 menurun sebanyak 21% berbanding tahun sebelumnya, disebabkan oleh penangguhan dalam kerja pemasangan di bawah segmen 'Sustainable Energy'.

Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "Kami berjaya mengekalkan kedudukan yang positif walaupun beroperasi dalam keadaan ekonomi pasca pandemik yang mencabar.

"SEDANIA berharap dapat berpindah ke Pasaran Utama Bursa Malaysia dalam masa terdekat dan meningkatkan kedudukan kami sebagai pemangkin amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang dipacu teknologi.

"Kami optimis untuk mencapai satu lagi tahun kewangan yang menguntungkan, diterajui oleh perniagaan 'Sustainable Healthcare' dan 'FinTech' kami, manakala segmen 'Sustainable Energy' akan menyumbang semula untuk memacu pertumbuhan kami pada masa hadapan."

Produk berasaskan inovasi dan harta intelek (IP) segmen 'FinTech' menyumbang prestasi pendapatan dan keuntungannya yang tertinggi untuk tahun 2022. Pendapatan segmen tersebut meningkat 33% kepada RM5.5 juta pada FYE22 berbanding RM4.2 juta setahun lalu. Ia menyaksikan peningkatan trafik yang lebih tinggi daripada platform teknologi kewangannya, sekaligus meningkatkan keuntungan sebelum cukai 138% kepada RM2.2 juta daripada RM935,000 sebelumnya.

Pada masa yang sama, segmen 'Sustainable Healthcare' Kumpulan SEDANIA mencatatkan peningkatan pendapatan sebanyak 11% kepada RM30 juta pada FYE22 berbanding RM27 juta pada tahun sebelumnya, dirangsang oleh jualan lebih tinggi yang dicatatkan dalam pasaran tempatan dan Eropah.

Keuntungan selepas cukai, bagaimanapun, susut 66% kepada RM1.9 juta pada FYE22 daripada RM5.5 juta setahun sebelumnya disebabkan oleh pelaburan semula dan perbelanjaan operasi yang lebih tinggi.

Segmen 'Sustainable Energy' Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.3 juta pada FYE22 berbanding RM15.6 juta setahun yang lalu disebabkan penangguhan pemasangan peralatan penjimatan tenaga di premis pelanggan bawah kontrak prestasi tenaga. Segmen tersebut mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM628,000 pada FYE22 berbanding RM7.3 juta setahun lalu.

Mengulas mengenai segmen perniagaan SEDANIA, Ketua Pegawai Eksekutif Daniel Ruppert berkata, "Segmen 'FinTech' kami memaparkan prestasi kewangan cemerlang dan berada pada asas kukuh untuk mengekalkan kedudukan yang lebih baik di masa hadapan. Kami komited untuk mengembangkan produk keupayaan teknologi kewangan Islam kami bagi mempercepatkan lagi penggunaan perbankan digital dan memupuk persekitaran pembiayaan yang lebih lestari dan inklusif.

"Segmen 'Sustainable Healthcare' kami, yang mengendalikan produk mesra alam jenama Offspring,, terus menyaksikan permintaan kukuh daripada pasaran tempatan dan luar negara. Pertumbuhan membanggakan ini mengesahkan strategi kami untuk memacu pengembangan ke luar negara memandangkan permintaan yang semakin meningkat untuk produk mesra alam dan biodegradasi bagi membantu mencegah perubahan iklim.

"Prestasi segmen 'Sustainable Energy' adalah disebabkan model perniagaan berasaskan projek bagi segmen tersebut. Gangguan dan kelewatan projek menangguhkan pengiktirafan pendapatan kami.

"Walau bagaimanapun, kelewatan tersebut berkemungkinan besar tidak akan berulang dan tidak akan menjejaskan prestasi tahun 2023. Melangkah ke hadapan, kami menyasarkan pertumbuhan positif yang konsisten daripada segmen tersebut didorong oleh perancangan projek yang besar bagi memastikan kelestarian perniagaan.

"Prestasi teguh segmen 'FinTech' dan 'Sustainable Healthcare' kami tahun ini membantu mengimbangi prestasi 'Sustainable Energy'. Ini menandakan daya tahan model perniagaan kami yang terpelbagai, berpaksikan kelestarian," katanya.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2022 (4QFYE22), SEDANIA mencatatkan pendapatan sebanyak RM8.7 juta, tetapi merekodkan kerugian selepas cukai sebanyak RM597,000.

Pendapatan 'Sustainable Healthcare' berjumlah RM6.7 juta pada 4QFYE22, manakala pendapatan segmen 'FinTech' Kumpulan meningkat 40% kepada RM1.6 juta terutamanya hasil sumbangan trafik yang ketara daripada platform *Tawarruq* dan *Go Halalnya*.

\*\*\*\*\*

**Mengenai Sedania Innovator Berhad**

Sedania Innovator Berhad adalah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan yang lestari. Sejak penyertaannya pada 2015 di ACE Market di Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

Sedania melabur dalam kelestarian tenaga masa hadapan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, Sedania menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 150 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 20 negara di seluruh dunia.

Melalui anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah menyediakan pelbagai penyelesaian Fintech kepada hampir 95 institusi kewangan, yang termasuknya Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkuman kewangan di kalangan pasaran besar-besaran pengguna melalui Program Pembiayaan GoHalal (GHP).

***Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.***

Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121620 / +6017 2407881

Emel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

 [Sedania Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [Sedania Innovator Berhad](#)